

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1993/94

Oktober/November 1993

HKB 212 - Karya-Karya Terpilih dari Kesusasteraan  
Inggeris dan Amerika

---

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI enam [6] SOALAN DI DALAM  
DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Analisis perkembangan watak kapten muda di dalam cerpen "The Secret Sharer" dan huraikan bagaimana penggunaan pencerita pertama memperkayakan perwatakan kapten muda.
2. Bagaimanakah musang di dalam cerpen "The Fox" digunakan Lawrence sebagai simbol kuasa alam yang menggoda March? Setakat manakah Lawrence berjaya menyelami lapisan primitif yang masih tersirat di bawah jiwa manusia yang bertamaddun?
3. Di dalam cerpen "Boneka Kapten" Lawrence berjaya mendedahkan betapa kompleksnya perhubungan wanita-lelaki melalui gaya penulisan yang simbolik dan puitis. Bincangkan.
4. Pertarungan Santiago dengan ikan todak diberi makna simbolik. Apakah dipelajari Santiago melalui pertarungan itu dan setakat manakah simbol-simbol Hemingway berjaya memperkayakan persoalannya?
5. SAMA ADA
  - (a) Nick Carraway berpendapat bahawa "Gatsby turned out alright in the end." Apakah dimaksudkan Carraway dan sejauh manakah anda bersetuju dengan penilaiannya?

ATAU

- (b) Setakat manakah Fitzgerald berjaya menggunakan cerita cinta Gatsby untuk mempersembahkan Impian Amerika yang romantik tetapi juga bahaya?

6. SAMA ADA

- (a) Pencapaian Miller berdasarkan kebolehannya mempersembahkan serentak akan kepentingan undang-undang dalam mana-mana sebuah masyarakat dan kepentingan hak minoriti untuk menyuarakan penentangan. Bincangkan.

ATAU

- (b) Sejauh manakah Miller berjaya menggunakan John Proctor untuk meneroka kesan-kesan pertembungan di antara kejujuran individual dan moraliti masyarakat?